

MAHATHIR - RUMAH RUMAH

1982

PULAU PINANG, 20 SEPT. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI BERKATA RAKYAT HARUS MENGUBAH SIKAP DALAM USAHA MENGATASI MASALAH PERUMAHAN TERUTAMA RUMAH MURAH BAGI GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH.

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT SEPATUTNYA MENUKAR CARA HIDUP MEREKA DARI HIDUP CARA KAMPUNG DAN SANGGUP TINGGAL CARA MODEN SEPERTI MENETAP DI RUMAH-RUMAH PANGSA.

BERUCAP MERASMIKAN PROJEK PERUMAHAN KOPERASI MUDA SUNGAI ARA DI SUNGAI NIBONG KECIL DI SINI BELIAU BERKATA PEMBAZIRAN TANAH TIDAK HARUS DILAKUKAN DENGAN PEMBINAAN RUMAH-RUMAH BERASINGAN SEPERTI RUMAH TERES ATAU DUA TINGKAT KERANA IA AMAT MERUGIKAN.

MENURUTNYA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT SAHAJA DIJANGKA SEJUTA BUAH RUMAH AKAN DIBINA DI SELURUH NEGARA UNTUK RAKYAT.

KERAJAAN SENDIRI PERDANA MENTERI AKAN CUBA MENGENDALIKAN SEBILANGAN BESAR PEMBINAAN RUMAH ITU DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AWAL SERTA USAHA-USAHA MERINTIS JALAN SUDAH PUN DILAKUKAN. -- LAGI 1840/MB

MAHATHIR-RUMAH 2 PULAU PINANG

BAGAIMANAPUN, KATANYA BANYAK MASALAH YANG HARUS DIHADAPI BUKAN SAHAJA OLEH PIHAK SWASTA MALAH KERAJAAN SENDIRI UNTUK MENJALANKAN RANCANGAN-RANCANGANNYA BAGI MENCAPAI KEJAYAAN SEPERTI YANG DIJANGKAKAN.

KATANYA PERKARA INI BOLEH DISALAHKAN KEPADA KERAJAAN SENDIRI DAN KERAJAAN NEGERI SERTA PIHAK BERKUASA TEMPATAN KERANA MENIMBULKAN BANYAK MASALAH SEPERTI MENGENAKAN BERBAGAI-BAGAI SYARAT YANG MERUMITKAN DAN MELEWAT-LEWATKAN PERMOHONAN YANG DIBUAT OLEH PEMAJU PERUMAHAN.

TETAPI, PERDANA MENTERI MENEGASKAN WALAUPUN PERKARA INI DAPAT DIATASI MASIH ADA MASALAH-MASALAH LAIN YANG TIMBUL SEPERTI MASALAH PENEMPATAN SEMULA PENDUDUK YANG MELEMBATKAN RANCANGAN PERUMAHAN DAN IA JUGA PERLU DIATASI SEBELUM KEJAYAAN SEBENAR DAPAT DICAPAI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN DALAM NEGARA YANG PENDUDUKNYA BERBILANG KAUM KERAJAAN TIDAK MAHU MELIHAT RAKYAT DIASING-ASINGKAN MENGIKUT KERJA, TEMPAT TINGGAL DAN CARA HIDUP MASING-MASING SEPERTI YANG CUBA DIATASI MELALUI DASAR EKONOMI BARU.

KATANYA KERAJAAN HENDAK MELIHAT SEMUA KAUM TINGGAL DI BANDAR DAN JUGA LUAR BANDAR SERTA HIDUP BERGAUL MESRA AGAR DAPAT DIWUJUDKAN SATU PERHUBUNGAN BAIK ANTARA SATU SAMA LAIN. -- LAGI 1900/MB

MAHATHIR - RUMAH 3 PULAU PINANG

+SEBAB ITU KITA MAHU SEBAHAGIAN DARIPADA GOLONGAN BUMIPUTERA MENETAP DI BANDAR TETAPI MASALAH YANG DIHADAPI IALAH SEBILANGAN BESAR BUMIPUTERA TIDAK MAMPU UNTUK MEMBELI RUMAH DALAM BANDAR, KATA PERDANA MENTERI.

KERAJAAN KATANYA LAGI SEDANG BERUSAHA UNTUK MEMBERI TEMPAT KEPADA MEREKA DI BANDAR SEPERTI MENGADAKAN SKIM PERUMAHAN UNTUK SEINGGAN DAN BAGI MEREKA YANG MAMPU SEDIKIT AKAN DILETAKKAN DI KAWASAN-KAWASAN TERTENTU DI MANA TANAH-TANAH ITU DIJUALKAN KEPADA BUMIPUTERA.

BELIAU MENEGASKAN KERANA ITULAH DIDAPATI ADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI YANG TELAH MENGELUARKAN HAK MILIK TANAH KEPADA KUMPULAN-KUMPULAN BUMIPUTERA YANG DIANGGAP MAMPU MEMILIKI TANAH-TANAH DI BANDAR.

+TETAPI, MALANGNYA KADANG-KADANG TERDAPAT TUDUHAN-TUDUHAN BAHAWA INI TIDAK HARUS DILAKUKAN, UMPAMANYA TANAH-TANAH ITU PATUT DIBERI PADA SETINGGAN ATAU DIDIRIKAN RUMAH MURAH,+ TAMBAH BELIAU.

KATANYA KALAU INI BERLAKU DENGAN RUMAH MURAH HANYA DIDUDUKI OLEH BUMIPUTERA DAN RUMAH-RUMAH MEWAH TIDAK ADA PENGHUNI BUMIPUTERA SUDAH TENTULAH AKAN TIMBUL PERASAAN IRI HATI ANTARA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA. -- LAGI 1927/MB

MAHATHIR - RUMAH 4 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERANA ITU ADA BEBERAPA KERAJAAN NEGERI TELAH MENGELUARKAN MILIK TANAHNYA DI DALAM BANDAR UNTUK DIMILIKI OLEH SETENGAH-SETENGAH PEGAWAI KERAJAAN YANG MAMPU.

BELIAU MEMBERI CONTOH DI SEREMBAN DI MANA SEKEPING TANAH YANG TERLETAK DI SEBELAH SEBUAH PADANG GOLF TELAH DIBERI KEPADA 200 ATAU 300 ORANG BUMIPUTERA DAN BEBERAPA ORANG BUKAN BUMIPUTERA.

MENURUTNYA, NILAI TANAH-TANAH ITU MEMANGLAH TINGGI TETAPI KALAU TANAH ITU TIDAK DIBERI KEPADA MEREKA NESCAYA TIDAK AKAN ADA BUMIPUTRA YANG MAMPU MEMBELINYA DENGAN HARGA PASARAN.

KATANYA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN TELAH MEMBERI TANAH ITU DENGAN HARGA YANG DIKATAKAN MURAH TETAPI SEBENARNYA TIDAK MURAH KERANA PENJUALAN PERTAMANYA DIMULAKAN PADA 1973 DIWAKTU HARGANYA TIDAK BEGITU MAHAL.

TETAPI, KERANA PROSES KERAJAAN MEMAKAN MASA SEHINGGALAH KEPADA 1982 MASIH ADA JUGA TANAH-TANAH ITU YANG DIJUAL DENGAN HARGA YANG SAMA HINGGA ADA YANG MENUDUH BAHAWA PENYELEWENGAN TELAH BERLAKU, TAMBAHNYA.

+PIHAK SAYA TELAH MENYELIDIK PERKARA INI DAN SAYA DAPATI BAHAWA TIDAK ADA PENYELEWENGAN YANG BERLAKU DAN APA YANG BERLAKU IALAH DALAM USAHA KITA MEMBERI TEMPAT KEPADA BUMIPUTERA, JUGA DI KAWASAN MEWAH DI DALAM BANDAR-BANDAR MAKA AMALAN INI BIASANYA DIBUAT OLEH KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI,+ SAMBUNGNYA. -- LAGI 1954/MK

B666

MAHATHIR - RUMAH 5 PULAU PINANG

BELIAU BERKATA TIDAKLAH PATUT PERASAAN IRI HATI TIMBUL DAN TUDUHAN-TUDUHAN YANG MELULU DIBUAT MELALUI SALURAN-SALURAN YANG TERTENTU.

KATANYA SEKIRANYA TANAH ITU DIBERI KEPADA SETINGGAN YANG SUDAH TENTU TIDAK MAMPU MEMBELIHNYA TERPAKSALAH RUMAH-RUMAH MURAH DIBINA DI TENGAH-TENGAH BANDAR YANG SEHARUSNYA TIDAK BERLAKU.

KATANYA MEMANGLAH SUDAH MENJADI DASAR KERAJAAN UNTUK MENYEDIAKAN TEMPAT-TEMPAT YANG SESUAI KEPADA SETINGGAN BUKAN SAHAJA DI SEREMBAN MALAH DI TEMPAT-TEMPAT LAIN MENGIKUT KEADAANNYA.

TEGAS BELIAU PARA SETINGGAN MEMANG MEMPUNYAI PERANAN DI DALAM BANDAR TETAPI KADANG-KALA RANCANGAN-RANCANGAN KERAJAAN TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN KERANA ADA SETINGGAN-SETINGGAN SENDIRI YANG MENGENAKAN SYARAT YANG KETAT TERHADAP KERAJAAN SEPERTI HENDAK MEMILIKI RUMAH BERASINGAN ATAU RUMAH BERDERET DI TENGAH BANDAR YANG TIDAK MUNGKIN DAPAT DILAKSANAKAN.

SEBALIKNYA MEREKA SEPATUTNYA HARUS SANGGUP TINGGAL DI RUMAH-RUMAH PANGSA KERANA DENGAN CARA ITU TANAH-TANAH YANG SEMEMANGNYA SUDAH KURANG DIBANDAR TIDAK DIBAZIRKAN, TAMBAH BELIAU. -- LAGI 2000/MK

MAHATHIR - RUMAH 6 PULAU PINANG

KATANYA JIKA RUMAH-RUMAH JENIS KAMPUNG DIBINA DI TENGAH-TENGAH BANDAR KERANA KEINGINAN UNTUK MENERUSKAN AMALAN HIDUP KAMPUNG SEPERTI MEMBELA AYAM ATAU MENANAM POKOK BUAH-BUAHAN, SUDAH TENTU KEADAAN ITU TIDAK DAPAT MENAMPUNG BILANGAN SETINGGAN-SETINGGAN YANG BEGITU RAMAI DAN TIDAK DAPAT DIJUAL DENGAN HARGA YANG MURAH.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN DALAM ZAMAN YANG BERUBAH INI RAKYAT HENDAKLAH SANGGUP MENUKAR CARA HIDUP MEREKA DARI TERUS HIDUP CARA KAMPUNG DI BANDAR-BANDAR KERANA KEADAAN DI BANDAR ADALAH BERBEZA.

BELIAU JUGA MENEKANKAN KERAJAAN TIDAK BOLEH MEMBERI JAMINAN BAHAWA TIAP-TIAP KELUARGA AKAN DAPAT MEMILIKI RUMAH SENDIRI KERANA INI PUN TIDAK PERNAH BERLAKU DI MANA-MANA TEMPAT DI DUNIA DAN MASALAH TANAH AKAN MENJADI LEBIH BESAR APABILA BILANGAN PENDUDUK NEGARA INI MENINGKAT.

KATANYA PERUBAHAN INI HARUS DI TERIMA SEKIRANYA RAKYAT INGIN MAJU DAN MELIHAT PEMBANGUNAN PESAT BERLAKU DI NEGARA INI.

TURUT HADIR DI UPACARA PERASHIAN PROJEK PERUMAHAN ITU IALAH ANGGU KETUA MENTERI, DATUK ABDUL RAHMAN ABBAS, MENTERI DI UDANA MENTERI, DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI DAN PARA PEGAWA KERAJAAN NEGERI. -- BERNAMA 2028/MB